

Pentarama JAPEN bakal meriahkan Majlis Peluncuran Bulan Kebangsaan Peringkat Negeri Perak 2025

Nasional - Dicipta: 14 Ogos 2025 01:11 PM



Mohd Azlan Helmi

IPOH, 14 Ogos - Majlis Peluncuran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Perak 2025 kembali diadakan di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru, Ipoh, esok.

Exco Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri, Mohd Azlan Helmi berkata, program akan diserikan kehadiran Pentarama Jabatan Penerangan @ HoHo dengan kerjasama Perak Transit.

Jelasnya, pengunjung juga dapat menyaksikan pelepasan konvoi Kembara Malaysia Jalur Gemilang (KMJG) Negeri Perak serta aktiviti 'Night Walk' dengan penyertaan 400 peserta di sekeliling tapak program.

"Jadi pada pukul 3.00 petang, program akan bermula dan dimeriahkan dengan gerai pameran, jualan rahmah, dan banyak lagi. Kemuncaknya adalah pada pukul 8.30 malam. Yang Amat Berhormat menteri besar

akan hadir menyampaikan amanat dan disertai dengan persembahan artis," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri sesi wawancara bersama stesen radio PERAKfm.

Tambahnya, beberapa agensi kerajaan akan memeriahkan konvoi antaranya termasuklah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Digital Perak, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kelab Permotoran ST Malaysia Motorcycle Club (STMMC).

